

Najib Hadir Majlis Berbuka Puasa Anggota MT Umno Di PWTC
Bername
July 11, 2014

KUALA LUMPUR, 11 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini menghadiri majlis berbuka puasa anggota Majlis Tertinggi (MT) Umno bersama anggota parti, pemimpin parti komponen Barisan Nasional dan badan bukan kerajaan di sini Jumaat malam.

Majlis yang diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) berlangsung selepas beliau yang juga Presiden Umno mempengerusikan mesyuarat MT parti itu selama tiga jam sejak jam 3.15 petang di Menara Dato Onn.

Sebelum waktu berbuka, Exco Pemuda Umno Fathul Bari Mat Jahaya turut memberikan tazkirah Ramadan yang menyentuh erti jihad yang sebenar mengikut perspektif Islam.

Solat hajat khas yang diimamkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom bagi memohon keamanan buat penduduk Palestin yang sedang diserang oleh rejim Zionis Israel turut diadakan selepas solat Maghrib.

Majlis yang turut dihadiri oleh Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin dan isteri Perdana Menteri Datin Seri Rosmah Mansor, disertai lebih 2,000 jemputan dari pelbagai peringkat parti itu, termasuk pemimipin Wanita, Pemuda dan Puteri Umno, pemimpin dari parti komponen Barisan Nasional (BN) dan badan bukan kerajaan.

Majlis itu kemudiannya diteruskan dengan solat Isyak dan Tarawih berjemaah yang diadakan di Dewan Tun Razak 4.

Terdahulu, Najib yang juga Presiden Umno menyampaikan sumbangan duit raya kepada 100 anak yatim dari Rumah Anak Yatim Asrama Damai, Kuang dan Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Yatim Sabak Bernam, Selangor.

Najib juga turut menyampaikan sumbangan sebanyak RM5,000 kepada setiap rumah anak-anak yatim itu.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1053114>